

04 JUL 1996

Mahathir - Pintu

JOHOR BAHARU SEBAGAI PINTU MASUK PENTING DIJAGA DENGAN BAIK

JOHOR BAHARU, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menekankan tentang pentingnya Johor Baharu sebagai pintu masuk ke Malaysia dijaga dengan baik agar ia sentiasa indah serta dikagumi pelawat.

Ini kerana jumlah terbesar pelawat yang masuk ke Malaysia ialah melalui Johor Baharu, katanya pada majlis jamuan meraikan beliau di kediaman rasmi Menteri Besar, Saujana, di sini, malam ini.

"Oleh itu, amat penting sekali pintu gerbang kita ini dijaga dengan baik dengan menjadikannya pintu yang indah yang kita boleh berbangga di samping mengkagumkan pelawat," kata beliau.

Menurutnya, kerajaan negeri pimpinan pemimpin-pemimpin yang lepas telah banyak membuat perancangan untuk memajukan Johor Baharu dan kerajaan sekarang juga sedang berusaha untuk membangunkannya.

Dr Mahathir berkata, beliau akan memberi sokongan seberapa yang boleh dalam usaha untuk menjadikan Johor Baharu sebagai pintu masuk yang indah.

Perdana Menteri berkata lawatannya ke Johor kali ini ialah untuk melihat kemajuan yang dicapai oleh Johor.

"Daripada apa yang saya lihat, tidak syak lagi Johor Baharu mempunyai potensi untuk menjadi bandar kedua terbesar di Malaysia," kata beliau.

"Johor mungkin mencapai wawasannya lebih awal sama ada tahun 2000, 2005 atau tahun 2010 tetapi kita tidak berasa iri hati kerana ia sebahagian daripada Malaysia," tambahnya.

Dr Mahathir berkata apabila mana-mana tempat di Malaysia mencapai kejayaan, semua orang harus berasa bangga kerana inilah negara kita.

Oleh sebab itu, sebagai pemimpin pusat beliau memberi perhatian kepada Johor walaupun beliau tidak kerap melawat Johor, katanya.

Menurut Dr Mahathir, Johor sememangnya merupakan sebuah negeri yang agak istimewa sama ada daripada segi sejarahnya mahupun peranannya dalam penubuhan parti Umno.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin. -- BERNAMA

MKO FAZ